

## **AMALAN PENGAJARAN BERASASKAN KECERDASAN MUZIKAL DALAM KALANGAN GURU TADIKA SWASTA: SATU KAJIAN KES**

**Masitah Binti Musa**  
**Muhammad Faisal Bin Mohamad Shukri**  
**Muhamad Najib Hadi Bin Mohd Zaker**  
Jabatan Pengajian Awal Kanak-kanak,  
Universiti Selangor

**Saturia Binti Amiruddin**  
Fakulti Psikologi & Pendidikan  
Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding Author's Email: masitah@unisel.edu.my*

### *Article history:*

*Received : 31 October 2023*

*Accepted : 1 November 2023*

*Published : 31 December 2023*

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan amalan pengajaran berdasarkan kecerdasan muzikal di kalangan guru tadika swasta. Kajian ini merangkumi tiga objektif: mengenal pasti bagaimana guru tadika melaksanakan kecerdasan muzikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran, memahami kesan terhadap kanak-kanak apabila guru melaksanakan kecerdasan muzikal dalam pengajaran mereka, dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pengajaran berdasarkan kecerdasan muzikal. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes, dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Oleh kerana pengkaji menghadapi kekangan masa, seramai dua orang guru tadika swasta telah ditemu bual sebagai responden untuk menjawab setiap objektif penyelidikan. Data yang dikumpulkan melalui temu bual telah ditranskripsi dan dianalisis secara tematik. Secara kesimpulannya, amalan pengajaran berdasarkan kecerdasan muzikal dapat memberikan impak positif kepada kanak-kanak apabila dilaksanakan secara konsisten.

**Kata Kunci :** *amalan pengajaran, kecerdasan muzikal, guru tadika, tadika swasta*

### **Abstract**

*The study was conducted to investigate the implementation of musical intelligence-based teaching practices among private kindergarten teachers. The research encompassed three objectives: to identify how kindergarten teachers implement musical intelligence in the teaching and learning process, to understand the impact on children when teachers implement musical intelligence in their teaching, and to identify the challenges faced by teachers in the implementation of musical intelligence-based teaching. This research employed a case study*

*approach, utilizing methods of interviews and observations. Two private kindergarten teachers were interviewed as respondents to address each research objective. Data gathered through interviews were transcribed and analyzed thematically.*

*In conclusion, the practice of teaching based on musical intelligence can have a positive impact on children when consistently implemented.*

**Keywords :** teaching practices, musical intelligence, kindergarten teachers, private kindergarten

## Pengenalan

Pendidikan merupakan salah satu tulang belakang dalam kehidupan yang mampu untuk membentuk seorang kanak kanak mahupun generasi yang berkualiti sejak kecil. Umumnya, pendidikan bermula sejak seawal usia lagi dan ianya bermula daripada rumah. Semua manusia di dunia ini berhak untuk mendapatkan pendidikan yang secukupnya tanpa mengira usia mahupun jantina. Oleh itu, dengan adanya pendidikan dari tadika mahupun prasekolah sehingga peringkat tertinggi, ia mampu memberi impak kepada seseorang itu dalam menceburι pelbagai peluang.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah dibangunkan oleh kerajaan Malaysia dalam rancangan Malaysia kesebelas sebagai salah satu usaha untuk mentransformasikan sistem pendidikan dan usaha untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan di Malaysia. Hasil daripada usaha dan inisiatif kerajaan ini, membolehkan semua murid prasekolah di dalam pelbagai peringkat berupaya untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam kehidupan mereka.

Kecerdasan muzikal boleh menjadi aset berharga bagi seorang guru dalam konteks pengajaran. Penggunaan muzik dalam pembelajaran dari seorang guru yang menggunakan alat muzik sebagai pengajaran. Misalnya, mereka dapat memilih lagu atau melodi yang relevan untuk memulakan atau menguatkan konsep tertentu dalam pembelajaran. Muzik menjadi latar belakang antara faktor yang menyebabkan suasana kelas lebih menarik. Guru menggunakan muzik untuk meningkatkan pembelajaran adalah dengan muzik boleh digunakan sebagai bantuan untuk mengukuhkan pembelajaran dan meningkatkan ingatan pelajar. Guru yang mempunyai kecerdasan muzik boleh mencipta lagu atau jingle untuk membantu pelajar mengingati maklumat penting, seperti formula matematik, perbendaharaan kata atau konsep penting dalam pelajaran lain.

Perkembangan kreativiti dan ekspresi dari seorang guru yang mempunyai kecerdasan muzik boleh menggalakkan pelajar mengekspresikan diri mereka melalui muzik. Mereka boleh mengajar pelajar menyanyi, bermain alat muzik, atau mengambil bahagian dalam aktiviti muzik lain sebagai cara mengembangkan kreativiti dan ekspresi diri. Dengan menggalakkan pelajar mengekspresikan diri mereka melalui muzik, seorang guru boleh membantu mereka mengembangkan kreativiti, pemahaman muzik, kemahiran persembahan dan keyakinan diri. Ia juga membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan memberikan pengalaman berharga dalam mengajar muzik. Oleh itu dalam menggunakan kecerdasan muzik mereka, adalah penting bagi seorang guru untuk mempertimbangkan kepelbagaiannya pilihan muzik pelajar dan memastikan penggunaan muzik dalam pembelajaran adalah relevan dengan matlamat dan keperluan pembelajaran pelajar.

Dalam kajian Morvafcik dan Nolte (2018) berpendapat bahawa latar belakang berasaskan muzik menjadikan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang baik dan bermakna. Hal ini jelas menunjukkan muzik dan nyanyian menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku secara tidak formal dan lebih berbentuk santai. Pembelajaran tidak formal ini digunakan bagi guru tadika yang ingin menukar cara atau strategi pembelajaran yang lebih menarik, seronok dan tidak terlalu membosankan. Faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah, guru yang terpaksa menghabiskan sukan pelajaran dengan cepat mengikut waktu yang telah ditetapkan. Disitu guru kurang meghargai kepelbagaian kanak kanak dan tidak merancang pengajaran mereka mengikut kecerdasan dan mana-mana bidang kecerdasan khususnya kecerdasan muzikal yang ada pada pelajar mereka serta terdapat kekangan dalam pelaksanaannya.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji bagaimana guru mengimplementasikan kecerdasan muzikal dalam pengajaran, kesan dan kekangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakannya. Kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan di sebuah tadika swasta yang terletak di Selangor. Responden yang dicadangkan adalah seramai 2 orang yang terdiri daripada guru yang mengajar kanak kanak berumur 4-6 tahun. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini yang terdiri daripada temu bual dan pemerhatian bagi mendapatkan segala data dan maklumat, gambaran serta memahami kes secara lebih jelas dan mendalam. Proses analisis daripada dapatan kajian ditadbir secara analisis tematik. Maka, untuk mengaplikasikan amalan pengajaran kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran, guru perlulah memainkan peranan yang penting dan cukup ilmu pengetahuan. Oleh sebab itu, dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan tentang amalan pengajaran dan pembelajaran kecerdasan muzikal dalam kalangan guru tadika swasta di Malaysia.

### **Sorotan kajian**

Secara keseluruhannya, kajian ini bertitik tolak daripada andaian bahawa untuk meningkatkan penglibatan kanak-kanak dalam sesi pengajaran dan pembelajaran adalah dengan strategi dan pendekatan atau amalan yang perlu dikuasai oleh guru dalam menjadikan pendekatan berasaskan kecerdasan pelbagai adalah perkara utama yang ada didalam seorang guru tadika swasta. Dengan penguasaan yang ada guru dapat membantu menyelesaikan masalah kanak-kanak yang terlalu pasif di dalam kelas untuk melibatkan diri mereka bergerak aktif dengan membuat intervensi yang bersesuaian diri dari segi pendekatan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Menurut Gardner (1983), kecerdasan sebagai keupayaan atau set keupayaan yang membolehkan seseorang menyelesaikan masalah atau menghasilkan produk yang mempunyai nilai dalam satu atau lebih. Hal ini disebabkan teori ini tidak menggalakkan murid menguasai pelajaran akademik secara hafalan sahaja, sebaliknya belajar mengikut kecenderungan kecerdasan agar murid sendiri dapat menguasai sesuatu kemahiran, berminat dalam pembelajaran dan juga melatih daya pemikiran atau mengembangkan kognitif kanak-kanak. Oleh itu, ketika mengaplikasikan pendekatan kecerdasan pelbagai, guru berusaha mempersembahkan bahan pengajaran dalam pelbagai cara dengan menggunakan bahasa, nombor, persekitaran bunyi, fizikal, tubuh badan dan kemahiran sosial.

Berdasarkan Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), Teori kecerdasan pelbagai perlu diaplikasikan oleh guru . Ia bagi menyokong pembelajaran bersepada yang menyeluruh, selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara dan keperluan bagi seseorang murid. Selain itu jika guru mengaplikasikan pendekatan kecerdasan pelbagai ini, akan dapat meningkatkan kecerdasan pelbagai seseorang dan menyedari bahawa potensinya tidak terbatas. Pendekatan kecerdasan pelbagai ini juga dapat meningkatkan harga diri, kreativiti dan motivasi melalui pembelajaran yang menggembirakan.

Pengetahuan yang perlu ada bagi seorang guru tadika swasta ialah antaranya maklumat tentang ciri dan perbezaan ciri bagi setiap jenis kecerdasan pelbagai dan mengenal pasti apakah ciri pendekatan dalam bidang yang akan diajar yang sesuai dengan kecerdasan pada kanak-kanak. Pengetahuan ini mendorong kepada pemilihan pendekatan yang sesuai untuk digunakan. Menurut Ikhsan dan Rohiazani (2010) pendekatan kecerdasan pelbagai dapat menunjukkan bahawa perintegrasian semua unsur kecerdasan pelbagai dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebenarnya bersifat praktikal untuk dilaksanakan di samping mencapai matlamat untuk memperkembangkan sikap saintifik dan nilai murni. Lantas dengan mengintegrasikan unsur tersebut wajar dipraktikan oleh semua guru tadika swasta selaras dengan kehendak bahagian perkembangan kurikulum.

Muzik dan nyanyian begitu dekat terutamanya pada peringkat kanak-kanak. Secara semulajadinya, kanak-kanak menyukai bunyi-bunyian dan muzik yang membuatkan mereka lebih terhibur. Oleh yang demikian, muzik dan nyanyian dapat dilihat memberi kesan positif serta menarik perhatian kanak-kanak di dalam bilik darjah (Harriet et al, 2014). Ia bukan sahaja menarik perhatian kanak-kanak dalam melakukan sesuatu atau menarik minat belajar kanak-kanak, malah merupakan satu rangsangan yang memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan minda kanak-kanak terutamanya dalam bilik darjah. Selain daripada itu, ia membuatkan kanak-kanak memberikan perhatian, memahami rentak, irama dan sebutan melalui muzik yang dimainkan. Oleh itu, kecerdasan muzikal ini dapat digunakan secara kreatif dan efektif oleh guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Dalam menerapkan Kecerdasan muzikal ini dalam diri seorang guru tadika, mereka harus tahu kepentingannya terhadap kank-kanak. Hal ini disebabkan, pengajaran berdasarkan kecerdasan muzikal ini, selalunya menggunakan teknik bermain, bernyanyi dan juga ia memeakan peranan dalam melatih emosi kanak-kanak. Zakaria Khalid dan Ariff Fadillah Khalil (2011) berpendapat belajar sambil bermain atau didik hibur dapat meningkat minat membaca, belajar dan minat ke tadika terhadap kanak-kanak.

Seterusnya mewujudkan suasana yang menyeronokkan bagi kanak-kanak bila hadir ke tadika dan di waktu sesi pembelajaran dan pengajaran. Selain itu juga, melalui belajar sambil bermain, tingkah laku murid turut dipengaruhi dan bertambah baik dan ia juga melatih kognitif dan fizikal (Rohaty Mohd Mazjub dan Nor Aishah Buang, 2010). Sehubungan dengan itu, teknik ini amat bersesuaian untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

## **Metodologi**

### ***Rekabentuk kajian***

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kes. Responden terdiri daripada dua orang guru tadika swasta. Oleh keranakekangan masa dan kekangan lain, jumlah responden perlu dihadkan kepada dua orang guru tadika sahaja. Data yang telah dikumpul akan dianalisis menggunakan kaedah tematik. Setiap jawapan yang diberikan oleh responden melalui soalan temu bual akan di transkripkan, dikod dan ditemakan bagi menjawab persoalan kajian. Data dalam kajian ini akan dikumpul menerusi kajian lapangan dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual secara bersemuka dengan peserta kajian. Antara alat bantu yang digunakan untuk mengutip data adalah seperti rakaman video, rakaman audio dan lain lain yang berkaitan.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang bagaimana guru mengimplementasikan kecerdasan muzikal semasa proses pengajaran. Kajian ini menjelaskan bagaimana guru mengimplementasikan kecerdasan muzikal semasa proses pengajaran. Pengkaji mengumpulkan data melalui kaedah kualitatif. Reka bentuk yang dijalankan oleh pengkaji adalah lebih menjurus kepada cara serta bagaimana untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan persoalan kajian yang telah ditimbulkan. Ia juga merupakan salah satu cara atau metod untuk mendapat objektif objektif kajian yang cuba dicapai oleh pengkaji. Objektif kajian ialah:

- a. Mengkaji bagaimana guru mengimplementasikan kecerdasan muzikal dalam proses pengajaran
- b. Mengkaji impak kepada kanak kanak sekiranya guru mengimplementasikan kecerdasan muzikal dalam proses pengajaran
- c. Mengkaji kekangan dalam mengimplementasi kecerdasan muzikal dalam pengajaran

Sampel kajian adalah terdiri daripada guru tadika swasta yang akan di temu bual. Pengkaji akan menemubual guru tadika swasta seramai 2 orang dan mengikut kriteria yang bersesuaian. Pemilihan peserta kajian adalah bersebab supaya memfokuskan kepada guru tadika swasta di sekitar daerah Kuala Selangor. Pemilihan kawasan ini supaya berpaut dengan tajuk kajian serta memudahkan urusan interaksi antara pengkaji dengan kajian dan peserta kajian.

### ***Prosedur***

Proses pengumpulan data dan penyelidikan awal telah dijalankan oleh pengkaji dalam menyelesaikan segala keperluan dalam bab ini. Soalan temu bual separa struktur telah diajukan kepada responden semasa proses temu bual supaya ia dapat memudahkan pengkaji untuk mendapatkan jawapan bagi setiap persoalan seperti yang telah dinyatakan. Pewawancara mungkin akan menyediakan soalan, tetapi tidak akan menanyakan semua atau bertanya mengikut turutan tetapi ia dijadikan sebagai panduan semasa sesi temubual.

Kaedah pemerhatian diadakan secara tiga peringkat iaitu sebelum menerapkan amalan pengajaran berasaskan kecerdasan muzika, semasa menerapkan kecerdasan muzikal dan selepas menerapkan kecerdasan muzikal. Ini dapat membantu pengkaji untuk melihat sendiri tindak balas yang diberikan oleh kanak kanak apabila guru menerapkan amalan pengajaran berasaskan kecerdasan muzikal. Ketika sesi temu bual dijalankan, pengkaji perlu merekod maklumat perbualan antara pengkaji dengan peserta kajian menggunakan rakaman audio dan rakaman video. Pengkaji perlu meminta izin terlebih dahulu kepada peserta kajian untuk merekod video agar tidak menjadi isu dan menganggu privasi peserta kajian. Kemudiannya, perbualan tersebut di transkripsikan bagi membolehkan analisis dilakukan. Pengkaji juga perlu mencatatkan maklumat yang berkaitan menggunakan buku nota semasa sesi temu bual dan rakaman dijalankan agar maklumat penting dapat ditekankan.

### ***Analisis Data***

Data yang telah dikumpul akan dianalisis menggunakan kaedah tematik. Setiap jawapan yang diberikan oleh responden melalui soalan temu bual akan di transkripkan, dikod dan ditemakan bagi menjawab persoalan kajian.

### ***Dapatan kajian***

Hasil dapatan kajian dan perbincangan ditadbir menggunakan analisis tematik berdasarkan persoalan kajian yang telah dibina:

Dapatkan persoalan kajian 1:

**Bagaimanakah guru tadika swasta mengimplementasikan kecerdasan muzikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran semasa di kelas?**

**Pendekatan berasaskan sumber/bahan**

Pendekatan berasaskan sumber atau bahan merupakan satu strategi pengajaran yang diterapkan oleh responden responden. Strategi ini memberikan penekanan kepada alat-alat bantu yang digunakan bagi memudahkan pelajar memahami pengajaran guru. Tujuan menggunakan bahan-bahan adalah bagi membolehkan pelajar memahami isi pelajaran dengan lebih mudah dan guru juga dapat menyampaikan dalam bentuk yang lebih kesan dan menarik.

*“ok. Strategi pengajaran.emm contohnya macam saya cakap tadi music movement kita akan pasang video dulu kat tv dengan apatu.. volume yang agak kuatlah sebab budak kalau slow dia tak akan fokus haa itu pendapat saya lah” R1*

*“okay, mungkin kita boleh guna alat muzik. Alat muzik contohnya castanet tu. Bukan satu lagu yang boleh kita mainkan castanet tu mengikut iramanya. Maksudnya, menggunakan bahan-bahan muzik lah. Haa.. sebab rasanya kalau guna maujud thing macam guna bahan-bahan tu budak makin.. aa .. apatu suka kot ataupun buat sesuatu aktiviti tu.” R1*

Manakala responden yang lain juga turut menyatakan perkara yang seakan sama seperti responden yang pertama

*“mmm..strategi tu masa pengajaran tu sendiri teacher kena ada bahan bantu mengajar. Tu yang pentinglah sebab kalau bercakap sahaja guna mulut tak guna. Tak kisahlah walaupun guna whiteboard, whiteboard pun pentinglah untuk student sebabnya kadangkala student tak boleh fokus apa yang kita cakap. Kena tengok benda lain jugak..haa” R2*

**Pendekatan berpusatkan murid**

Pendekatan berpusatkan murid menjadikan guru sebagai fasilitator atau pemudahcara. Guru juga mengalakkan murid terlibat secara aktif untuk mencuba dan melakukan aktiviti pembelajaran sendiri. Penekanan pendekatan berpusatkan murid ialah pencapaian objektif pembelajaran.

*“kecerdasan muzikal ni..err...lebih kepada satu aktiviti yang melibatkan muzik dan pergerakan seperti menari, ataupun bermain alat muzik.. emm..untuk mencapai sesuatu objektif. Contohnya kalau, katalah macam dekat sini.. macam little caliphs ni haa kita orang tak ajar abc, kita orang ajar aaa baaa caa. So, aa baa caa tu pun ada dia punya lagu. Jadinya, emm.. bila kita mengajar menggunakan lagu tu..aaa.. so objektif untuk budak tu pandai membaca lebih tercapailah.. maksudnya..aa.. bila dia orang tu belajar menggunakan*

*lagu tu, lebih err... tercapailah objektifnya berbanding dengan kita duduk ajar dia aa ba ca ha macamtu. Sebab budak budak kan?" R1*

*"ya.. sebabnya setiap minggu hari rabu kita memang ada sesi physical development and then masa assembly tu memang akan ada satu music movement. Ha so masatu kita encourage dia orang untuk menari, menyanyi dan semua lah. Haaa." R1*

Dapatkan persoalan kajian 2:

**Apakah impak kepada kanak kanak sekiranya guru mengimplementasikan kecerdasan muzikal dalam pengajaran?**

Jawapan kepada persoalan kajian ini menekankan tentang kesan positif yang diterima oleh kanak kanak sekiranya guru menerapkan kecerdasan muzikal dalam pengajaran. Bagi menjawab soalan kajian ini, data telah dikumpulkan melalui temu bual bersama dua orang responden yang merupakan guru tadika swasta. Beberapa soalan telah diajukan kepada responden bagi menjawab persoalan kajian pertama untuk mengetahui bagaimanakah tadika swasta mengimplementasikan kecerdasan muzikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran semasa di kelas. Penemuan setiap aspek ditemakan dan seterusnya pendapat responden melalui soalan yang diajukan.

**Pembelajaran lebih bermakna**

Pengajaran dan pembelajaran berdasarkan muzikal dipercayai dapat menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Kanak kanak lebih mudah untuk mengingati pengajaran yang diajar oleh guru yang menggunakan elemen-elemen seperti lagu dan sebagainya.

*"Saya rasa, lagu untuk pembelajaran kanak kanak ni sangat berkesanlah sebab benda yang senang dorang boleh menyanyi kat mana mana dia orang suka. Yelah, tak semua budak dia boleh fokus bila tengok buku paling kuat pun 5 minit je dia boleh fokus. Tak semua maksud saya. Mereka lebih kepada fokus dan seronok dengan muzikal." R1*

*"selain daripada buku. Contoh .. err.. contoh yang pernah lihat macam.. macamm.. lagu tema ke, adab before eat ke .. kena nyanyi dulu macam lagu didi and friends tu.. haa... macam anak saya sendiri pun, doa makan tak pandai.. bila hari hari tengok doa makan, jadi pandai." R2*

**Mencungkil bakat kanak kanak**

Hasil temubual mendapati para guru dapat melihat dan mengenalpasti murid yang mempunyai bakat seperti menari, dan menyanyi. Malah, melalui aktiviti seperti ini membantu pemahaman murid dengan lebih baik terhadap sesuatu Pelajaran. Ini disokong oleh Responden 1 dan 2 yang menggunakan teknik tarian dan nyanyian dalam kelas.

*“ya..betul tu! Aaa.. apatu.. biasanya macamtu lah sebabnya kadang kadang kat dalam kelas dia sangat pasif tapi bila kita buat music movement, dia buat. Maksudnya, dia lebih daripada orang lain. So, haa.. apa yang faisal cakap tadi tu memang adalah jadi dekat dalam kelas saya sendiri sekalipun. Haa..maksudnya dalam kelas dia sangat pasif, lepastu bila...er.... kita bawak pergi assembly, buat music movement dia suka..dia nampak dia excited yang dia nak buat benda tu. Kelebihan dia nampak kepada situla..haa... ” R1*

*“ada.. banyak jugak la. Sebab sesetengah budak tak boleh direct on book. Dia kena, err.. selain daripada buku. Contoh .. err.. contoh yang pernah lihat macam.. macamm.. lagu tema ke, adab before eat ke .. kena nyanyi dulu macam lagu didi and friends tu.. haa... macam anak saya sendiri pun, doa makan tak pandai.. bila hari hari tengok doa makan, jadi pandai.” R2*

### ***Mengembangkan perkembangan kanak kanak***

Dengan mengimplementasikan pengajaran berdasarkan kecerdasan muzikal dalam pengajaran, ia mampu untuk memperkembangkan perkembangan kanak kanak dari pelbagai aspek. Misalnya, perkembangan emosi, perkembangan sosial dan sebagainya.

*“ emmm... saya rasa pengajaran melibatkan muzikal ini dapat mengembangkan lagi perkembangan kanak kanak. Misalnya dari segi perkembangan sosial mereka. Contohnya la kan.. dalam kelas saya sendiri ada budak yang kalau kita mengajar, dia ni pasif dan duduk diam sahaja.. tapi, bila kita lakukan aktiviti seperti menyanyi, dia boleh membuka mulut dan ikut bernyanyi bersama dan bersempang dengan kawan dia. Malah, dia juga nampak happy.. kalau tidak muka dia dekat sekolah memang takda mood je. Hahahaha..jadinya kita nampaklah dengan muzikal ni mampu mengembangkan perkembangan lain kanak kanak.. kalau kita mengajar je pun kita taktau.. kita mungkin nampak kanak kanak tu pasif je duduk setempat ” R1*

*“semua perkembangan nampak meningkat lah..emosi pun stabil..bila emosi stabil automatik benda pun senang masuk. Ada yang dalam kelas dia pasif, bila ramai ramai kita buat muzik ni, automatik dia bergaul haa..” R2*

Dapatkan persoalan kajian 3:

### ***Adakah guru menghadapikekangan dalam mengimplementasi amalan pengajaran berdasarkan kecerdasan muzikal?***

Berdasarkan transkrip temubual dapatan kajian berkaitan dengan kekangan dalam pengajaran berdasarkan kecerdasan muzikal seperti berikut:

Kekangan menjadi salah satu sebab guru tidak dapat atau pengajaran berdasarkan kecerdasan muzikal ini menjadi terganggu. Disini terdapat beberapa faktor kekangan yang pengkaji dapat hasil daripada temu bual bersama 2 orang responden yang merupakan guru tadika swasta

### **Kawalan kelas**

Kedua-dua responden menjelaskan bahawa kawalan kelas memberi cabaran kepada guru semasa mengadakan aktiviti muzikal. Mereka memerlui bantu dari guru lain untuk membantu kawalan kelas terutama kanak-kanak yang berusia bawah 6 tahun.

*“hmm..pada awalnya tidak terkawal lah sebab budak haaa...sebab memang dia orang macam happy..terlalu happy teacher pun tak boleh sorang atau dua maksudnya kena lebih..budak budak kan.. tapi kalau 4 atau 5 years ni, haa lebihlah teacher. Kalau 6 years ni dah boleh kawal lah.sebab dia orang dah boleh dengar arahan.” R2*

*“mmm..masalahnya budak tu. Budak tu yang tak terkawal. Contohnya satu budak ni terlalu aktif sampaikan teacher tak boleh nak kawal haaa.. terlalu happy pun ye, terlalu..ha macam tu lah. Tapi tak boleh nak buat apa sebab budak tu memang macam tu. Di rumah pun macam tu, di sekolah pun macamtu. ” R2*

### **Sikap guru**

Pengkaji juga mendapati sikap guru dalam melaksanakan aktiviti berbentuk muzikal juga memainkan peranan yang sangat penting. Sikap malu adalah antara cabaran yang perlu dihadapi oleh guru tadika. Namun begitu, ia perlu dielakkan kerana perasaan malu untuk bersama-sama membuat tarian atau pergerakan kreatif dengan kanak-kanak perlu dielakkan kerana ia merupakan salah satu keperluan dalam profesi.

*“okay.. salah satunya saya rasa daripada guru sendiri lah.. kalau kata guru tu malu haa..macam tak semua orang yang berdepan dengan kanak kanak kan? Tak semua orang yang boleh berdepan dengan orang yang ramai kan? So.. satunya guru lah.. guru pun kena main peranan dalam benda ni maksudnya dia orang pun kena aaa... sama sama buat contohnya macam music movement tu dia kena kedepan jugak lah tak boleh macam..apa tu.. buka video Didi and friends buatlah sebab teacher malu. Haa.. tak boleh lah macam tu kan?” R1*

Ini disokong oleh responden ke 2 yang mana beliau mengadakan aktiviti dalam pembelajaran dan luar pembelajaran.

*“bagi saya.. tak jugak sebab mmm.. sebab mungkin kalau teacher tu tak apply muzikal mungkin atas diri tu sendiri kot..macam saya, saya okay je. Saya apply je dalam pembelajaran ataupun diluar pembelajaran. ” R2*

### **Dapatan pemerhatian**

Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian sebagai salah satu cara untuk mendapatkan sumber maklumat tambahan bagi dapatan kajian ini. Kaedah ini dilakukan dalam bentuk sebelum, semasa dan selepas untuk memerhati dan meneliti situasi kajian secara kritikal dalam konteks penglibatan responden secara langsung. Bagi pemerhatian sebelum, pengkaji melihat guru memulakan sesi pengajaran tanpa menggunakan sebarang alat bantuan seperti memasang lagu, menayangkan video, membuat pergerakan dan sebagainya. Kami dapat dengan ketiadaan pengajaran berdasarkan kecerdasan muzikal, guru dilihat tidak dapat membuat induksi yang menarik dan tidak mampu untuk menarik pemerhatian kanak-kanak kelihatan seperti belum bersedia untuk belajar dan menunjukkan sikap tidak gembira untuk belajar. Ada juga dikalangan mereka yang bersendirian dan duduk secara pasif. Secara kesimpulannya,

berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, pengajaran yang tiada elemen muzik menjadikan sesebuah pengajaran itu menjadi agak suram dan bosan serta sukar untuk menarik perhatian kanak kanak.

Bagi pemerhatian semasa pengajaran berasaskan kecerdasan muzikal dijalankan, guru memulakan pengajaran dengan memainkan lagu “kepala bahu lutut kaki”. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, dengan memainkan lagu berkaitan pengajaran semasa pengajaran, ia mampu untuk menarik minat kanak kanak untuk memberikan tumpuan yang lebih semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini membuatkan kanak kanak lebih teruja untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Selain itu juga, kanak kanak yang pasif sebelum pengajaran berasaskan kecerdasan muzikal diterapkan juga kelihatan berpotensi untuk bersosial dengan rakan sekelas. Ini menunjukkan dengan menerapkan amalan pengajaran berasaskan keerdasan muzikal, ia mampu untuk menarik minat dan fokus kanak kanak untuk menerima ilmu yang ingin disampaikan oleh guru.

Seterusnya, bagi pemerhatian selepas pengajaran berasaskan kecerdasan muzikal dijalankan, ia menunjukkan kesemua kanak kanak masih aktif dan gembira selepas melakukan aktiviti gerakan dan nyanyian. Kanak kanak juga menunjukkan pelbagai emosi yang positif berbanding dengan sebelum melakukan aktiviti muzikal. Kanak kanak juga mampu untuk menghafal dan mengingati lagu yang dimainkan oleh guru dan menyebabkan sesebuah objektif pelajaran itu mudah untuk tercapai.

## **PERBINCANGAN**

### ***Isu dan Cabaran***

Dapatkan menunjuk isu dan cabaran yang mendapat frekuensi dan peratus tertinggi berdasarkan temu bual adalah berkaitan dengan bagaimana guru tadika swasta mengimplementasikan kecerdasan muzikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran semasa di kelas. Dalam menjadikan kecerdasan muzikal sebagai salah satu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, guru tadika swasta ini sendiri perlu mempunyai sedikit ilmu berkaitan muzikal supaya terdapat keberhasilan dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Tujuan kajian ini dijalankan kerana masih kurang kajian berkaitan amalan pengajaran kecerdasan muzikal ini terhadap guru-guru tadika dan ianya lebih kepada kanak-kanak sahaja. Dalam mengajar kanak-kanak di tadika, guru perlu mempunyai pendekatan yang sesuai berkaitan pelajaran yang diajar dan suasana didalam kelas itu sendiri. Oleh itu, kecerdasan muzikal ini berjaya dilaksanakan oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, seseorang guru juga perlu mencari bahan dan sumber yang berkaitan dalam memberi kekuatan ketika kecerdasan muzikal ini dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bahan-bahan maujud juga memberi lagi keseronokan dan menambah minat kanak-kanak dalam membuat aktiviti kecerdasan muzikal. Bahan atau sumber yang guru tadika guna berkaitan dengan sesuatu yang kita lakukan pada sesi pengajaran dan pembelajaran ia sangatlah membantu guru itu sendiri dalam menyampaikan sesuatu dan memudahkan kanak-kanak itu sendiri memahami apa yang disampaikan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, buku, papan putih atau latihan bertulis sahaja digunakan, malah ia merangkumi dengan segala perkara yang membantu dari perkara sekeliling kanak-kanak itu sendiri. Menurut Thomas, R.Murray, Swartout, Sherwin G (1963), hanya alat bantu mengajar yang mempunyai komunikatif tinggi yang mampu membantu pelajar memperolehi pengalaman belajar yang berfaedah bagi mengembangkan sikap ilmiah dan sikap sosial, kemantapan emosi dan daya penghargaan.”. Disini ingin diterangkan bahawa bahan bercorak pengalaman seperti bahan maujud ini dapat membantu

kanak-kanak belajar dengan lebih mudah disebabkan penggunaan bahan yang boleh dirasai oleh kanak-kanak itu sendiri.

Dalam mencari cabaran seorang guru dalam mengimplementasikan kecerdasan muzik dalam pengajaran guru perlu manjadikan sebuah proses pengajaran dan pembelajaran itu berkesan buat kanak-kank dan memberi impak yang mendalam terhadap perkembangan kanak-kanak itu sendiri. Hal ini disebabkan dalam membuat sesuatu perkara yang dilakukan oleh seorang guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu ada impak walaupun sedikit kerana ia berkaitan dengan segala perkembangan yang ada pada kanak-kanak itu sendiri.

Dalam membincangkan isu dan cabaran yang diperoleh dari dapatan kajian ini adalah guru menghadapi kekangan dalam mengimplementasi amalan pengajaran berasaskan kecerdasan muzikal. Guru ingin menjayakan kecerdasan muzikal sebagai satu proses pengajaran dan pembelajaran, guru harus mengenalpasti kekangan yang menjadikan salah satu sebab guru tidak dapat atau pengajaran berasaskan kecerdasan muzikal ini menjadi terganggu.

Antara yang kita dapat dari dapatan kajian adalah, kawalan kelas yang diatur oleh guru itu harus dapat ditangani disebabkan kelas yang terlalu bising atau serabut yang boleh mengagalkan seorang guru itu dalam menyampaikan sesuatu perkara termasuklah dalam meletakkan kecerdasan muzikal dalam satu proses pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai seorang guru tadika swasta, penerapan kecerdasan muzikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru perlulah dan harus mempunyai cara atau inisiatif yang lebih dari kebiasaan. Hal ini disebabkan perkara ini sangat perlu terutama pada zaman yang diekori dengan kemajuan dalam pelbagai hal. Ilmu dalam dalam melakukan sesuatu perkara amatlah disarankan untuk seorang guru tadika supaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran itu ia memudahkan guru untuk menyampaikan sesuatu dan memudahkan kanak-kanak untuk memahami apa yang disampaikan oleh guru.

### ***Kesan kepada kanak-kanak***

Dapatkan kajian mendapati sikap kanak-kanak menjadi punca kurangnya implementasi kecerdasan muzikal ini dalam proses pembelajaran dan pengajaran seperti kawalan kelas yang terhasil dari kanak-kanak. Ini menunjukkan guru perlu memainkan peranan yang tinggi dalam pengurusan masa, emosi kanak-kanak, dan cara dapat menarik perhatian kanak-kanak ketika kelas sedang dijalankan.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi sikap kanak-kanak dalam seorang guru yang mahukan kecerdasan muzikal ini dibina dalam sesebuah kelas. Dalam penggunaan amalan pengajaran kecerdasan muzikal bagi seorang guru tadika ketika proses pengajaran dan pembelajaran, ia amat memberi impak yang banyak kepada kanak-kanak tidak kira dari segi apa jua. Hal ini kerana, dalam kecerdasan muzikal ini, pelbagai perkara yang boleh kanak-kanak lakukan dan merasai pengalaman dan juga ia mencipta satu minat dan bakat kepada seorang kanak-kanak. Sebagai gambaran yang boleh diterangkan disini, seorang guru memberi peluang kepada kanak-kanak untuk bermain alat muzik seperti ukulele, gendang, alat perkusi dan sebagainya ia akan memberi pengalaman kepada kanak-kanak dan ia juga akan menarik minat kanak-kanak terhadap muzik dan kanak-kanak ini suatu hari nanti ia boleh jadikan bermain alat muzik ini sebagai hobi dan boleh menjadi satu kerjaya pada suatu hari nanti.

Sebagai seorang guru, perlulah sentiasa dalam keadaan yang serba tahu atau boleh dikatakan mempunyai ilmu dalam melakukan sesuatu terutama dalam kecerdasan muzikal ini. Ini kerana, penggunaan pengajaran kecerdasan muzikal didalam sesi pengajaran dan pembelajaran bukanlah perkara yang baru, malah banyak tadika-tadika swasta yang menerapkan muzikal dalam sebahagian dari segala aktiviti sehari-hari di tadika. Oleh itu, perkara ini harus diteruskan bagi seorang guru supaya ia dapat meneruskan pengajaran dan

pembelajaran itu disampaikan kepada kanak-kanak agar tidak ketinggalan atau meningkatkan lagi perkembangan mereka.

### **Implikasi Kajian**

Kecerdasan muzikal ini terus menjadi perkara yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kelas yang dapat membantu kecerdasan kanak-kanak dan perkembangannya. Seseorang guru perlu memaksimakan pengetahuan berkaitan kecerdasan muzikal dengan lebih bagi memudahkan guru menyampaikan apa yang ingin disampaikan. Dengan menjadikan kecerdasan muzikal sebagai salah satu proses pengajaran dan pembelajaran ia menawarkan cara mengekspresi diri dan meneroka emosi dan ia juga menggalakkan interaksi sosial dan kolaborasi melalui pelbagai aktiviti yang berkaitan kecerdasan muzik seperti tarian, nyayian dan bermain alat muzik dan oleh kerana ia kuasa mempunyai kuasa motivasi yang tinggi, ia menggalakkan konsentrasi, keyakinan dan kawalan (Pound dan Harrison, 2001:71).

Melalui kajian ini, pengakaji mendapati terdapat halangan guru dalam mengimplementasi kecerdasan muzikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti-aktiviti berkaitan atau yang mempunyai integrasi muzikal telah membuatkan kanak-kanak terlalu aktif dan tidak terkawal disebabkan kanak-kanak yang terlalu teruja sehingga kelakuan kanak-kanak yang terlebih aktif sehingga guru tidak boleh mengawal keadaan didalam kelas. Dalam peringkat awal, kanak-kanak ini sangat tertarik akan bunyi, visual dan pergerakkan. Dalam kecerdasan muzikal, kebanyakkan aktiviti yang dijalankan akan berkait dengan bunyi, pergerakkan dan visual. Hal ini akan menyebabkan kanak-kanak terlalu teruja dan menyebabkan kanak-kanak menjadi agresif dan guru tidak mendapat mengawal kelas.

Dalam kajian ini apa yang dilihat ialah pandangan guru yang positif tentang penggunaan alatan muzik sebagai satu amalan kecerdasan muzikal dalam pengajaran dan pembelajaran. Muzikal ini bukan sahaja satu Teknik dalam bermain alatan muzik tetapi juga adalah satu cara menyampaikan ilmu secara langsung dan tidak langsung. Pandangan guru dalam kecerdasan muzikal bukan tertakluk pada dirinya sahaja, malahan ia boleh dilakukan berkaitan dengan sehari-hari kehidupan kita seperti nyayian dalam doa-doa dan sebagainya.

Muzik seharusnya tidak diasangkan sebagai entiti yang terpisah, malah ia perlu digandingkan dengan konsep pembelajaran sains awal, bahsa, seni dan kreatif, Matematik awal, dan mata pelajaran agama. Pengalaman mengamalkan kecerdasan muzikal ini ini boleh meningkatkan pengalaman-pengealaman dalam seni visual, bercerita, sajak, teater, pergerakan, dan tarian atau kita boleh katakan dengan pengalaman dalam pementasan. (Campbell dan Kassner, 1995)

Menurut kajian oleh Propst (2003), dapatan-dapatan empikalnya menunjukkan terdapat kecenderungan penggunaan bahan-bahan muzik dalam melaksanakan mata pelajaran lain di dalam kelas. Kecerdasan muzikal seharusnya tidak terpisah dalam kehidupan kanak-kanak, kerana jika kita perhatikan muzikal itu sebenarnya ada di mana-mana jua tanpa mengira umur untuk menikmatinya. Kita perlu mengupas potensi kecerdasan muzikal ini secara penuh untuk meningkatkan kehidupan sehari-hari kita termasuk guru-guru tadika swasta

### **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, hasil dapatan kajian dalam konteks kajian kes ini adalah guru tadika swasta mengimplementasikan pengajaran dan berdasarkan kecerdasan muzikal. Perkara ini

diteruskan dengan sedikit sebanyak tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru tadika swasta dalam mengimplementasikan kecerdasan muzikal dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji berharap dengan kajian ini dapat menarik minat pengkaji lain untuk meneruskan kajian yang mempunyai perkaitan dengan persoalan-persoalan yang ditimbulkan. Pengkaji juga berharap agar kajian ini boleh digunakan oleh penggubal dasar kementerian untuk menilai dan meneliti program Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang ada. Selain itu, pengkaji juga berharap kajian dan penilaian terhadap kompetensi guru dalam kecerdasan muzikal dan integrasi muzik dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan. Kekurangan latihan dan pendedahan guru tentang kecerdasan muzikal serta ilmu pengetahuan yang kurang berkaitan dengan kecerdasan muzikal adalah satu isu yang perlu diambil perhatian. Oleh itu, pengkaji berharap dengan kajian ini dapat memberi sedikit ilmu dan pengetahuan kepada guru-guru tadika swasta.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurhafizah Mohd Sukor & Nor Hamizah Ab Razak. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156-174.
- Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2011). *Pembentukan Emosi Kanak-Kanak Melalui Bahan Bacaan Sastera*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 22(1), 66-89.
- Balkish Awang. (2021, Februari 4). Pandemik COVID-19: Masalah Kesihatan Mental Kanak-Kanak Dan Implikasinya. *Utusan Borneo Online*. <https://www.utusanborneo.com.my/2021/02/04/pandemik-covid-19-masalah-kesihatan-mental-kanak-kanak-dan-implikasinya>
- Eliza Annis Thangaiah, Ruzzakiah Jenal & Jamaiah Yahaya. (2020). Penerokaan Penggunaan E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Dan Pengajar TVET-Satu Kajian Awal. *Akademika*, 90(3), 5-18.
- Goliong, L., Kasin, A., Johnny, M., & Yulip, N.G. (2020). Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Dan Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Academia.edu*, 1-15.
- Isabelle Leong. (2020, April 16). PKP Dan Covid-19: Kanak-Kanak Lagi “Stress” Daripada Orang Dewasa. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-dan-covid19-kanakkank-lagi-stress-daripada-orang-dewasa-238632>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). *Pemakluman Berhubung Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah Versi 2 Dan Panduan Pelaksanaan Jadual Waktu Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah*. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/pekeliling-dan-garis-panduan/surat-siaran/bahagian-pengurusan-sekolah-harian/4083-surat-siaran-pemakluman-berhubung-manual-pdpr-versi-2/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah*. <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/manual-pdpdr>
- Mohd Fadzli Abu Bakar. (2005). Pekembangan Emosi Warisan Dan Persekutaran. *Pdf slide*, <https://pdfslide.net/documents/mohd-fadzli-abu-bakar-perkembangan-emosi-warisan-dan-.html>
- Moravcik, E., & Nolte, S. (2018). Meaningful curriculum for young children (2nd ed.). New York, NY:Pearson Education. 790
- Nor Hamizah Ab Razaki & Abdul Rashid Aziz@ Dorashid. (2020). Perkembangan Sosial Dan Emosi Kanak-Kanak: Kesan Penjarakan Sosial Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Dan Pendekatan Dalam Membantu. 448-455.

*Amalan Pengajaran Berasaskan Kecerdasan Muzikal  
Dalam Kalangan Guru Tadika Swasta: Satu Kajian Kes  
Masitah Musa, Muhammad Faisal Mohamad Shukri,  
Muhamad Najib Hadi Mohd Zaker*

- Nor Sahara Mesman & Zulkarnain Abd. Majid. (2021). Kajian Kesediaan Pelajar Mengikut Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Membendung Covid-19 Fasa 2. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3(1), 195-202.
- Norazman Alias, Anuar Hasin & Zainora Daud. (2020). Covid-19: Isu Dan Solusi Pelaksanaan PDP Dalam Talian Bagi Kursus Hifz Al-Quran Iv Di USIM. 275-290.
- Orgilés, M., Morales, A., Delvecchio, E., Mazzeschi, C., & Espada, J. P. (2020). Immediate Psychological Effects Of The COVID-19 Quarantine In Youth From Italy And Spain. *Frontiers In Psychology*, 11:579038, 1-10. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.579038>
- Raja Nur Faznie Aida. (2020, Disember 2). Pembelajaran Online Boleh Beri Kesan Kesihatan Mental. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/112917/KHAS/>
- Shweta Singh, Deblina Roy, Krittika Sinha, Sheeba Parveen, Ginni Sharma & Gunjan Joshi. (2020). Impact Of COVID19 And Lockdown On Mental Health Of Children And Adolescents: A Narrative Review With Recommendations. *Psychiatry Research*, 293, <https://doi.org/10.1016/j.psychres.2020.113429>
- Siahaan, M. (2020). Dampak Pandemi Covid-19 Terhadap Dunia Pendidikan. *Jurnal Kajian Ilmiah*, 1(3), 1-6.